



## MATI PUCUK DARI PERSPEKTIF SYARAK DAN PERUBATAN

### [ERECTILE DYSFUNCTION IN THE VIEW OF ISLAMIC PERSPECTIVE AND MEDICINE]

HAMIDAH HARUN,<sup>1</sup> SITI KHATIJAH ISMAIL<sup>2</sup> & WAN MOHD YUSOF WAN CHIK<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Calon Siswazah, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. e-mel: zainor93@gmail.com

<sup>2\*</sup> Siti Khatijah Ismail & Wan Mohd Yusof Wan Chik, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. e-Mail: khatijah@unisza.edu.my\*; mohdyusof@unisza.edu.my

*Received: 1 August 2021*

*Accepted: 20 August 2021*

*Published: 30 September 2021*

**Abstrak:** Mati pucuk merujuk kepada ketidakupayaan dalam memperolehi dan mengekalkan ketegangan atau ereksi zakar yang lama bagi mencapai kepuasan hubungan seksual. Kajian epidemiologi di Malaysia pada tahun 1997 memberi respon bahawa 1.7 juta lelaki yang berumur 40 tahun ke atas mengalami masalah mati pucuk. Perbincangan mengenai mati pucuk ini dibincangkan oleh fuqaha silam sebagai satu panduan asas dalam menyelesaikan masalah yang timbul terutama dalam isu perkahwinan dan fasakh. Bagi mencapai maqasid utama sebuah pernikahan, aspek hubungan seksual selain dapat melunaskan kehendak fitrah manusia, ia juga merupakan asas untuk mencapai maqasid perkahwinan iaitu melahirkan zuriat keturunan. Segelintir golongan lelaki tidak mahu mendapatkan rawatan kerana menganggap isu ini adalah sensitif dan lebih rela berdiam diri. Akibatnya, memusnahkan kelestarian, keharmonian dan kelangsungan rumah tangga. Kajian ini bertujuan menganalisis mati pucuk dari perspektif syarak dan perubatan serta faktor dan rawatannya berpandukan sorotan literatur atau kajian lepas. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metodologi analisis dokumen. Kitab-kitab fiqh silam dan jurnal-jurnal perubatan akan menjadi rujukan utama kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa lelaki yang mengalami masalah mati pucuk perlu berjumpa pakar untuk mendapatkan nasihat serta rawatan yang sesuai. Ini kerana, mati pucuk dapat dipulihkan dengan pelbagai kaedah dan susunan rawatan sekiranya mereka mendapatkan nasihat dan rawatan dari pakar perubatan sekaligus dapat menyelamatkan rumah tangga mereka. Perkaitan antara syarak dan perubatan juga dilihat saling memerlukan terutama dalam aspek penentuan hukum.

**Kata Kunci:** Mati pucuk, perubatan, syarak, kecacatan seksual.

**Abstract:** Erectile dysfunction refers to the inability to get or keep an erection firm enough for satisfactory sexual intercourse. An epidemiological study in Malaysia in 1997 found that 1.7 million men aged 40 and above had erectile dysfunction. The discussion on erectile dysfunction was elaborated by the fuqaha in the past as a fundamental guide in resolving problems that arise especially in the issue of marriage and fasakh. The aspect of sexual relations, apart from being able to satisfy the natural desires of humans, is also the basis for achieving the main purpose of marriage, which is to produce offspring. Some men do not want to seek treatment because they consider the issue to be sensitive and prefer to remain silent. As a result, it destroys the sustainability, harmony, and viability of the household. This study aims to analyze erectile dysfunction from the perspective of Islamic law and medicine as well as its factors and treatment based on the literature or previous studies. This qualitative study uses the document analysis method by referring to the fiqh books and medical journals as the main references.

The results show that men who suffer from erectile dysfunction need to see a specialist for advice and appropriate treatment. Erectile dysfunction can be cured with various methods and treatment arrangements if they seek advice and treatment from a physician which would also help to maintain their household. The relationship between Islamic law and medicine is also seen as mutually beneficial, especially in the aspect of determining the law.

**Keywords:** *Erectile dysfunction, medicine, Islamic law, sexual disability*

**Cite This Article:**

Hamidah Harun, Siti Khatijah Ismail & Wan Mohd Yusof Wan Chik. (2021). Mati pucuk dari perspektif syarak dan perubatan [Erectile dysfunction in the view of Islamic perspective and medicine]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(3), 34-43.

## PENGENALAN

Dalam sebuah perkahwinan, sekalipun hubungan seksual tidak menjadi syarat utama nikah, namun ia merupakan aspek penting bagi mencapai maqasid utama pernikahan iaitu melahirkan zuriat keturunan. Tidak ada cara lain untuk melahirkan zuriat keturunan melainkan melalui hubungan seksual yang sempurna dan diiktiraf oleh syarak (Yusuf al-Qaradhawi, 2014). Namun, terdapat segelintir pasangan yang mengalami gangguan untuk mencapai objektif pernikahan ini. Al-Kasani (1328), al-Baghdadi (t.t), al-Syirazi (1985) dan Ibnu Qudamah (1405) menyatakan masalah yang timbul seperti suami mengalami kecacatan seksual mati pucuk merupakan salah satu alasan yang membenarkan pembubaran perkahwinan berlaku. Rasulullah s.a.w bersabda:

عن عبد الرحمن بن يزيد، قال: دخلت مع علقمة، والأسود على عبد الله، فقال عبد الله: كنا مع النبي صلى الله عليه وسلم شابا لا نجد شيئا، فقال لنا رسول الله صلى الله عليه وسلم: {يا معشر الشباب من استطاع منكم الباءة فليتزوج فإنه أغض للبصر، وأحصن للفرج، ومن لم يستطع فعليه بالصوم فإن له وجاء}

Maksudnya: “Diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas’ud r.a: Wahai para pemuda, barang siapa yang mampu dalam kalangan kamu untuk bernikah, maka nikahilah, kerana ia akan menundukkan pandangan, dan akan memelihara maruah, maka barang siapa yang belum mampu, maka hendaklah dia berpuasa, kerana puasa itu merupakan pengekang syahwat”. (Hadis, Sahih al-Bukhari, 7:5066)

Berdasarkan hadis Nabi s.a.w ini, perbincangan mengenai maksud al-baah dibincangkan kepada beberapa pendapat, pendapat pertama menjelaskan makna al-baah kepada mampu melakukan persetubuhan. Pendapat yang kedua pula memberi maksud mampu menyara kehidupan rumah tangga (al-Syawkani, 1993). Manakala pendapat yang ketiga pula menjelaskan makna al-baah kepada maksud yang lebih umum iaitu kemampuan dalam hubungan seksual dan mencukupkan keperluan rumah tangga (al-Asqalani, 1379). Kenyataan ini menunjukkan bahawa hubungan seksual merupakan antara hak dan tanggungjawab pasangan suami isteri (Muhammad Abu Zahrah, 2005) sekiranya pasangan tidak mempunyai sebarang keuzuran. Ini kerana, melalui persetubuhan, seseorang dapat menunaikan syahwat seksual yang telah diciptakan oleh Allah di dalam diri seseorang untuk mencapai hakikat

sebenarnya sebuah pernikahan (al-Ghazali, 1990). Justeru, kegagalan pasangan di dalam hubungan seksual merupakan satu kekurangan dan akan membantut tujuan sebenar sebuah pernikahan.

Mati pucuk adalah merupakan masalah global yang berlaku antara 3-76.5% dalam masyarakat dan sering dikaitkan dengan peningkatan usia seorang lelaki (Anna Kessler, 2019). Kebanyakan golongan lelaki malu untuk berbincang dan menyelesaikan masalah yang mereka alami kerana memandangkan isu ini adalah isu yang sensitif. Justeru itu, kajian ini akan menghuraikan mati pucuk dari perspektif syarak dan perubatan.

Terdapat banyak kecacatan seksual yang disenaraikan oleh fuqaha silam, namun kecacatan seksual utama yang melibatkan golongan lelaki iaitu mati pucuk (unnah) sahaja dibincangkan dalam kajian ini.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan mati pucuk. Dalam memberi penjelasan terhadap mati pucuk, maksud dan definisi serta maklumat berkaitan faktor dan rawatan, kajian menyorot kitab-kitab utama fiqh silam dan kajian-kajian perubatan lepas yang berkait dengan tajuk kajian. Kajian lepas adalah satu penelitian perpustakaan dengan membaca pelbagai buku fiqh silam dan jurnal-jurnal perubatan yang berkaitan serta perbahasan fuqaha dalam perbincangan berkaitan. Kaedah yang digunakan dalam penelitian bagi kajian ini adalah melalui kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen adalah satu teknik penyelidikan yang membuat kesimpulan secara sistematik dan objektif melalui data berbentuk dokumen (Rohana Yusof, 2004). Kaedah ini juga akan membuat satu penjelasan yang meneliti secara sistematik tentang sesuatu kandungan tersurat berbentuk teks (Sabitha Marican, 2005, Othman Lebar, 2009). Analisis kandungan sangat sesuai dilakukan dalam penyelidikan berbentuk kualitatif (Scherier Margit, 2012). Melalui kaedah ini, dokumen diteliti dan dijelaskan tafsiran yang terdapat di dalamnya.

Analisis kandungan mempunyai tiga tujuan. Pertama, meneliti mesej, isu atau tema daripada bahan sekunder berbentuk karya. Kedua, menganalisis kumpulan karya yang besar. Ketiga, mengkaji sesuatu perbincangan berbentuk teks yang telah lama dikaji (Neuman W.L, 2006). Berdasarkan apa yang telah dinyatakan, kaedah analisis adalah kaedah yang sangat sesuai untuk diaplikasikan bagi menyempurnakan kajian ini. Perkara ini bertepatan dengan data yang dikumpulkan daripada dokumen berkaitan mati pucuk yang telah dibincangkan dalam kitab fiqh oleh fuqaha silam dan kontemporari serta jurnal-jurnal perubatan terkini.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini membahagikan perbincangan kepada dua aspek utama. Pertama, maksud mati pucuk dari perspektif syarak dan perubatan. Kedua, analisis faktor dan rawatan dari aspek perubatan.

## Definisi Mati Pucuk

### a. Mati Pucuk dari Perspektif Syarak

Ulama silam telah membahaskan perbincangan berkenaan mati pucuk di bawah tajuk al-ayb atau al-uyub yang memberi maksud keaiban atau kecacatan. Perbahasan ini juga berada dalam perbincangan pembubaran perkahwinan disebabkan kecacatan atau keaiban, atau pembubaran perkahwinan di bawah kuasa hakim (al-tafriq al-qadhai).

Mati pucuk dalam istilah Bahasa Arab ialah disebut al-‘unnah. Lelaki yang tidak mampu mendatangi wanita disebut al-‘innin (العنين) diambil daripada kata akar iaitu ‘unna yang memberi maksud berpaling (Ibnu Manzur, t.t). Manakala fuqaha Hanafi, Syafie’ dan Hanbali memberi maksud yang hampir sama iaitu kelemahan anggota kelamin utama lelaki yang menghalang daripada melakukan persetubuhan, (Ibnu Abidin, 1992. Al-Syirbini, t.t. Al-Buhuti, t.t). Adapun Mazhab Maliki memberi maksud lelaki yang mempunyai zakar yang kecil yang menghalang daripada menembusi faraj (Ibnu Juzaiy, t.t). Ad-Dimyati (t.t) pula memberi pengertian kelemahan seseorang untuk melakukan persetubuhan di qubul disebabkan lemahnya alat (zakar) atau disebabkan penyakit hati atau jantung.

Berdasarkan maksud mati pucuk yang dinyatakan oleh para fuqaha, dapat difahami bahawa mati pucuk merupakan salah satu bentuk keaiban dan kecacatan yang menimpa golongan lelaki. Kewujudan kecacatan ini akan menggagalkan hubungan kelamin antara pasangan suami isteri serta boleh dijadikan sebagai alasan tuntutan fasakh oleh isteri.

### b. Mati Pucuk dari Perspektif Perubatan

Terdapat banyak kajian ilmiah dari pakar perubatan dalam memberi definisi maksud mati pucuk. Temu bual pengkaji bersama pakar andrology Mohd Ismail Mohd Tambi (Temu bual pengkaji bersama Mohd Ismail bin Mohd Tambi. Pakar Andrologi. 27 Jun 2021) menyatakan penggunaan istilah mati pucuk yang sering digunakan terdahulu bagi mati pucuk ialah impoten. Namun setelah dilihat dari aspek perubatan penggunaan istilah “erectile dysfunction” adalah lebih tepat dan banyak digunakan. Definisi yang sering digunakan oleh National Institute of Health (1993) Erectile dysfunction atau disfungsi ereksi memberi maksud ketidakupayaan untuk mencapai atau mengekalkan ereksi iaitu ketegangan zakar yang memuaskan untuk melakukan hubungan kelamin (Kostantinos Hatzimouratidis, 2007). Secara umumnya lelaki yang mempunyai masalah erectile dysfunction adalah di dalam kategori mereka yang mempunyai masalah sexual dysfunction iaitu masalah pada fungsi seksual utama mereka.

Berdasarkan dua perspektif di atas perbezaan yang wujud adalah dari sudut istilah sahaja bukan dari aspek maksud. Dari aspek maksud merujuk kepada suatu keadaan yang dialami oleh seorang lelaki yang menyebabkan hubungan seksual tidak dapat dilakukan. Hal ini kerana kegagalan seorang lelaki dalam mencapai tahap ketegangan zakar yang memuaskan akan menghalang daripada hubungan kelamin berlaku dengan sempurna.

## Analisis Faktor dan Rawatan Mati Pucuk

Perbincangan mengenai mati pucuk telah dibincangkan oleh para fuqaha silam dengan tuntas. Ini menunjukkan bahawa permasalahan ini bukanlah masalah yang baru timbul, tetapi semenjak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Seperti yang dinyatakan dalam hadis berikut:

روى ابن شهاب عن عروة بن الزبير أن عائشة أخبرته: { أن رفاعة القرظي طلق امرأته، فتزوجت بعده عبد الرحمن بن الزبير، فجاءت إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقالت: يا رسول الله: إن رفاعة طلقني فبت طلاقي، وإنني نكحت بعده عبد الرحمن بن الزبير القرظي، وإنما معه مثل الهدية، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لعلك تريدان أن ترجعي إلى رفاعة؟ لا، حتى تذوق عسيلته، ويذوق عسيلتك. }

Maksudnya: “Diriwayatkan oleh Ibnu Syihab daripada ‘Urwah bin Zubair sesungguhnya ‘Aisyah telah memberitahu kepadanya: “sesungguhnya Rifaah al-Qurziy telah menceraikan isterinya, kemudian bekas isterinya itu dinikahi oleh Abdul Rahman maka selepas itu wanita tersebut pergi kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: wahai Rasulullah, sesungguhnya Rifaah telah menceraikan aku, dan kemudian aku berkahwin dengan Abdul Rahman bin al-Zubir al-Qurazy, namun kemampuan (jimak) adalah seperti hujung kain (mati pucuk), lalu Rasulullah s.a.w bersabda: boleh jadi kamu ingin kembali kepada Rifaah? Tidak, sehinggalah engkau merasai kemanisan bersetubuh dengannya dan dia merasai kemanisan bersetubuh denganmu”. [Hadis, Al-Bukhari, Bab man ajaza al-talak al-thalath 4960. Muslim, Bab la tahilu al-Mutolaqoh thalathan limutolaqoha hatta tankiha zaujan ghairaha wa yathoaha, 3599]

Hadis ini menunjukkan bahawa terdapat pengaduan dari seorang wanita berkenaan suaminya yang mempunyai masalah mati pucuk menunjukkan pada zaman tersebut telah timbul masalah ini. Al-Dimyati (t.t) di dalam hasyiyyah ‘ianah at-tolibin menyatakan ketidakmampuan melakukan jimak adalah disebabkan faktor yang mendatang seperti berlaku perubahan empat musim iaitu musim sejuk, panas, luruh dan musim bunga. Ini kerana, peredaran musim mempengaruhi faktor seksual seseorang. Inilah yang dilaksanakan oleh Saidina Umar supaya pembuktian dilakukan setelah berlalu satu tahun kerana melihat dari aspek perubahan cuaca. Jika sekiranya mati pucuk tidak dapat dipulihkan dalam tempoh satu tahun tersebut, maka isteri berhak menuntut fasakh (Mohd Saleh Ahmad, 2012).

Satu penelitian yang dibuat oleh Mohd Ismail Mohd Tambi dan rakan-rakannya (2003) terhadap disfungsi ereksi (mati pucuk) merupakan masalah global yang menimpa terhadap golongan lelaki. Kenyataan ini juga disokong oleh Christopher G McMahon (2019) yang menyatakan bahawa masalah disfungsi ereksi ini merupakan masalah disfungsi seksual yang biasa berlaku dikalangan lelaki. Terdapat dua faktor utama menyebabkan seorang lelaki mengalami mati pucuk. Pertama, faktor fizikal. Kedua, faktor psikologi. Faktor fizikal yang menyebabkan seorang lelaki mengalami mati pucuk (<http://www.myhealth.gov.my/mati-pucuk/>. Diakses pada 4 september 2021) ialah, masalah diabetes, tekanan darah tinggi yang menyebabkan saluran darah menjadi sempit, begitu juga sekiranya lelaki mempunyai penyakit mental dan kemurungan. Selain itu, masalah kekurangan hormon testosterone yang rendah, kegagalan hati dan buah pinggang, penyakit parkinson, angin ahmar, komplikasi pembedahan

kelenjar prostat atau pundi kencing dan juga kesan terhadap pengambilan ubat-ubatan (el-Manan, 2014). Ubat-ubatan tersebut antaranya ialah barbiturate, benzodiazepine, dan tricydlic antidepressant (<https://www.reuters.com/article/us-impotence-idUSBRE94T11I20130530> diakses pada 27 September 2021). Laman Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan ubat-ubatan ini adalah sejenis ubat tidur, ubat untuk mengawal keresahan serta ubat penyakit mental (<http://www.myhealth.gov.my/penyalahgunaan-ubat/> diakses pada 3 Ogos 2021). Pengambilan ubat-ubatan diluar kawalan dan nasihat pakar akan memberi kesan terhadap otak dan badan seseorang. Manakala masalah kegelisahan (anxiety) dan perhubungan pula adalah dianggap penyebab masalah psikologi yang biasa (Karl t. Rew, 2016). Selain itu, tabiat merokok, minuman keras dan kegemukan juga menjadi faktor mengalami mati pucuk. Faktor gaya hidup seseorang juga memberi kesan terhadap masalah mati pucuk. Kebiasaannya, mereka yang tidak menjaga gaya hidup sihat lebih mudah mengalami masalah ini. Namun ianya dapat dielak sekiranya golongan lelaki mengambil cakna tahap kesihatan dan kefahaman mereka.

Mutakhir ini, terdapat pelbagai promosi yang ditawarkan di media sosial dan banyak produk-produk yang dijual bagi menyelesaikan masalah mati pucuk yang dihadapi oleh golongan lelaki. Namun, perkara ini tidak boleh dianggap suatu jalan penyelesaian yang mudah. Hal ini kerana, jika sekiranya lelaki atau pihak suami yang menyedari alat kelamin mereka bermasalah atau tidak berfungsi dengan sempurna, mereka sewajarnya berjumpa pakar dan mendapatkan nasihat supaya dapat menerima rawatan yang sesuai.

### **Rawatan Mati Pucuk**

Pelbagai rawatan telah disediakan untuk pelbagai penyakit yang timbul. Bermula dari zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah zaman kini, pelbagai rawatan telah dikaji dan disediakan oleh pakar perubatan mengikut kesesuaian penyakit. Ini menunjukkan setiap penyakit itu boleh dirawat dan disembuhkan kecuali mati dan tua. Kenyataan ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w:

عن أسامة بن شريك أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: {تداووا عباد الله، فإن الله عزوجل لم ينزل داء، إلا أنزل معه شفاء، إلا الموت والهزم}

Maksudnya: “Diriwayatkan daripada Usamah bin Syarik bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: berubatlah wahai hamba Allah, sesungguhnya Allah s.w.t tidak menjadikan sebarang penyakit itu melainkan diberikan padanya penawar, kecuali mati dan tua”. (Hadis, Musnad Ahmad, 1836)

Rawatan merupakan salah satu konsep ikhtiar seseorang untuk mengubati masalah yang dihadapinya. Setiap yang mukalaf perlu berusaha untuk mendapatkan rawatan terhadap penyakit yang dialaminya, mengambil langkah merawat tidak menafikan konsep tawakkal. Bahkan Islam sangat menganjurkan umatnya untuk berusaha dan berikhtiar sebelum bertawakkal kerana yang menyembuhkan hanyalah Allah s.w.t. (Ibnu Qayyim al-Jauzi, 1433). Ibnu Qayyim al-Jauzi (1433) menyatakan bahawa antara makanan yang mampu membantu meningkatkan kemahuan dan keinginan dalam persetubuhan adalah حُرْف atau Cress Seeds iaitu sejenis bijian yang dihasilkan daripada tumbuhan yang boleh merawat beberapa masalah kesihatan termasuklah keinginan seksual. Kajian Amanda Cassia da Cruz (2017) terhadap

tindak balas herba terhadap keinginan seksual menyatakan beberapa tumbuhan yang dapat membantu meningkatkan hormon dan masalah yang melibatkan hubungan seksual. Antaranya, akar Maca (*Lepidium meyeri*) dan juga *Mondia whitei* iaitu sejenis halia yang dapat membantu meningkatkan rangsangan seksual dan berpotensi mengekalkan erekzi zakar.

Lelaki yang mengalami mati pucuk memerlukan pengesahan dan mendapatkan rawatan serta penjelasan dari pakar perubatan. Pesakit akan dinilai melalui sejarah kesihatan mereka merangkumi sejarah hubungan seksual, keadaan fizikal, sejarah perubatan serta ujian makmal (Raymond C. Rosen, 1995). Penilaian terhadap sejarah kesihatan mereka adalah penting untuk memberi keselesaan serta memudahkan pakar perubatan mendiagnos.

Terdapat pelbagai rawatan dan prosedur yang diunjurkan di dalam *Guidelines on Male Sexual Dysfunction* (2015) terhadap lelaki yang mengalami mati pucuk. Secara ringkasnya melalui gambar rajah berikut:



Rajah 1.1: Carta Aliran Rawatan Mati Pucuk

Gambar rajah di atas merupakan turutan aliran rawatan yang perlu dijalani oleh pesakit yang mengalami mati pucuk. Selepas dikenali dan diberikan kaunseling serta menerangkan kaedah rawatan, pesakit akan dicadangkan beberapa susunan rawatan seperti mengambil ubat-ubatan (PDE5IS) yang dibenarkan dan dicadangkan oleh pakar perubatan. PDE5is merupakan istilah bagi ubat-ubatan yang terlibat seperti sildenafil, Tadalafil, Vardenafil dan Avanafil. Ubat-ubatan ini telah mendapat kelulusan daripada European Medicines Agency (EMA) sebagai salah satu kaedah dan usaha merawat lelaki yang mengalami mati pucuk (Yuan j, 2013). Seterusnya pesakit dicadangkan untuk mengambil suntikan pangkal zakar (intracavernous injections), suntikan intraurethral serta (topical alprostadil). Suntikan ini bertujuan untuk

melegakan saluran darah dan otot zakar serta meningkatkan aliran darah ke dalam zakar yang akan menyebabkan ereksi (Montorsi, 1997). Selain itu, alat mengepam zakar juga turut dicadangkan. Sekiranya rawatan-rawatan ini tidak berjaya maka proses terakhir dipertimbangkan iaitu proses implan zakar. Rawatan-rawatan yang dinyatakan ini perlu mendapat persetujuan pakar perubatan setelah menjalani pemeriksaan.

Berdasarkan gambar rajah dan kaedah rawatan yang disediakan, pesakit yang mengalami simptom mati pucuk perlu berjumpa pakar supaya masalah yang dihadapi dapat dipulihkan. Ini bertujuan untuk memberikan keharmonian pasangan dalam rumahtangga. Pasangan perlu berbincang dan segera mendapatkan nasihat dari pakar. Berdiam diri dan menyalahkan satu pihak tidak akan menyelesaikan masalah yang timbul.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian yang dibentangkan memberi pendedahan dan penjelasan mengenai mati pucuk dari perspektif syarak dan perubatan. Mati pucuk bukanlah suatu isu baru tetapi telah timbul sejak berzaman lagi dan telah dibincangkan oleh para fuqaha terdahulu.

Kefahaman terhadap faktor timbulnya masalah mati pucuk ini juga dapat memberi kesedaran kepada golongan lelaki. Masalah dan simptom yang dialami tidak sepatutnya golongan lelaki merasa malu dan berdiam diri sebaliknya segera mendapatkan rawatan. Pendedahan terhadap rawatan dan kaedah yang disediakan oleh pakar perubatan dapat menyelesaikan persoalan yang bermain di minda dan memberikan keyakinan kepada golongan lelaki.

Pandangan yang enteng terhadap masalah ini akan menjadikan masalah yang timbul semakin rumit terutama dalam soal hubungan yang baik antara pasangan dan keharmonian sesebuah perkahwinan dalam aspek hubungan seksual. Ini kerana, setiap penyakit yang timbul dapat dipulihkan dengan adanya teknik-teknik dan rawatan moden yang bersesuaian.

Para fuqaha telah membincangkan masalah mati pucuk ini semenjak dahulu, walaupun tidak dinyatakan dengan jelas penyelesaian hukum dari aspek perubatan moden. Namun, pelaksanaan sesuatu hukum syarak dilihat saling berkait rapat antara syarak dan perubatan. Hal ini kerana, syarak menjadi panduan asas dalam menyelesaikan isu yang timbul. Begitu juga aspek perubatan dilihat sebagai bentuk pengukuhan untuk mendatangkan bukti-bukti yang disahkan. Kegagalan suami dalam mendapatkan rawatan pakar akan memberi impak terhadap hukum-hukum tertentu seperti pernikahan, perceraian dan fasakh.

## RUJUKAN

- al-'Asqalani, Ahmad ibn Ali. 1379. *Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- al-Buhuti, Mansur ibn Yunus. 2000. *Kasyaf al-Qana' 'an Matan al-Iqna'*. Bayrut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2014. *Sahih Al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.



- Cruz, Amanda Cassia d, Natalia Goncalves Guerra, Kerolayne Esper Barao Pacelhe de Souza, Izabella de Castro Eleuterio, Leidhaine Custodia da Silva, Elaine Gomes Otoni, Michelle Rosa Andrade Alves and Wiliam Cesar Bento Regis. 2017. The Ction of Herbal Medicine on the Libido: Aspects of Nutritional Intervation in Increasing Sexual Desire. *Bio Med Central*. 42:29.
- al-Dimyati, Al-Sayyid al-Bakri bin Al-Sayyid Muhammad Syatho. t.th. *Hasyiah 'Tanah at-Tolibin*. Singapura: Sulaiman Mar'ie.
- El-Manan. 2014. *Disfungsi Seksual Wanita*. Kuala Lumpur: Ar-Risalah Product Sdn Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1990. *Adabu An-Nikah Wa Kasri Al-Syhwatain*. Tunis: Dar Al-Ma'arif.
- Hanbal, Ahmad. 1995. *Musnad Imam Ahmad*. Ed. 1. Qaherah: Dar al-Hadis.
- <http://www.myhealth.gov.my/mati-pucuk/>. [4 september 2021].
- <http://www.myhealth.gov.my/penyalahgunaan-ubat/> [ 3 Ogos 2021].
- <https://hellodoktor.com/ubat/alprostadi/> [3 ogos 2021].
- <https://www.reuters.com/article/us-impotence-idUSBRE94T11I20130530> [27 September 2021]
- Ibn Taimiyah, Ahmad bin Abdul Halim. 1995. *Majmu' Al-Fatawa*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin. 1992. *Raddul Muhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Qayyim al-Jauzi. 1433. *Al-Tibb an-Nabawi*. Riyadh: Maktabah Darul Salam.
- K. hatzimouratidis, I. Eardley, F. Giuliano, D. Hatzichristou, I. Moncada, A. Salonia, Y. Vardi, E. Wespes. 2015. Guidelines on Male Sexual Dysfunction: Erectile Dysfunction and Premature Ejaculation. *European Association of Urology*.
- Karl T. Rew, Joel J. Heidelbaugh. 2016. *Erectile Dysfunction*. University of michigan Medical School, Ann Arbor, Michigan.
- Kostantinos Hatzimouratidis and Dimitrious Hatzichristou. 2007 .Sexual Dysfunctions: Classifications and Definitions. *J Sex Med*; 4: 244.
- McMahon, C.G. 2019. Current Diagnosis and Management of Erectile Dysfunction. *Australian Centre for Sexual Health*, Sydney. 469-476.
- Mohd Ismail Mohd Tambi. Pakar Andrologi. Temu bual. 27 Jun 2021.
- Mohd Saleh Ahmad. 2012. *Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid SDN BHD.
- Montorsi, F., Luigi, G. G., Strambi, L. F., Da Pozzo, L. F., Nava, L., Barbieri, L., Miani, A. (1997). Recovery of Spontaneous Erectile Function After Nerve-Sparing Radical Retropubic Prostatectomy with And Without Early Intracavernous Injections of Alprostadi: Results of A Prospective, Randomized Trial. *The Journal of Urology*, 158(4), 1408–1410.
- Muhammad Abu Zahrah. 2005. *Al-Ahwal Al-Syakhsiyah*. Al-Qahirah: Dar Al-Fikr Al-Arabiyy.
- National Institutes of Health. 1992. Impotence. *Consensud development conference statement*. December 7-9.
- Neuman W.L. 2006. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Toronto: Pearson.
- Nicolosi, A, Edson D. Moreira, E.D. Shirai, M., Tambi, Mohd Ismail Mohd & Glasser, D.B. 2003. *Epidemiology of Erectile Dysfunction In Four Countries: Cross-National Study Of The Prevalence And Correlares Of Erectile Dysfunction*. Elsevier Science Inc.

- NIH Consensus Conference: Impotence: NIH Consensus Development Panel on Impotence. *JAMA* 270: 83-90. 1993.
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori & Metodologi*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Raymon C. Rosen. 1999. The Process of Care Model for Evaluation and Treatment of Erectile Dysfunction. *International Journal of Impotence Research*. 11. 59-74.
- Rohana Yusof. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Hall.
- Schreier Margit. 2012. *Qualitative Content Analysis in Practice*. London: SAGE Publications Ltd.
- al-Shaukani, Muhammad bin Ali. 1993. *Nail Al-Author Syarh Muntaqa Al-Akhbar*. Misr: Dar al-Hadis.
- al-Syirbini, Muhammad bin Ahmad. t.th. Mughni al-Muhtaj. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabiy
- Yuan J, et al. 2013. Comparative Effectiveness and Safety of Oral Phosphodiesterase Type 5 inhibitors for Erectile Dysfunction: A Systematic review and network meta-analysis. *Eur urol*. 902-912.